

22 JAN 2002

Mahathir-Pas

PAS TIADA SIMPATI KEPADA PEMIMPIN KEADILAN, KATA MAHATHIR

BANGI, 22 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pas tidak mempunyai simpati langsung kepada pemimpin Parti Keadilan Nasional sebaliknya ia hanya mempergunakan parti itu.

"Memang kita tahu dia bukan ada simpati langsung kepada pemimpin Keadilan.

"Dia nampak ini adalah peluang, bahkan sebelum itu, semasa Datuk Seri Anwar (Ibrahim) ada dalam Umno, orang Paslah yang mula-mula tuduh dia (Anwar) terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral.

"Tapi bila dia (Pas) nampak dia boleh guna orang ini, dia gunalah," katanya pada satu sidang media selepas merasmikan Hari Kerjaya ke-20 Universiti Kebangsaan Malaysia di kampus induknya di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan akhbar memetik Mursyidul Am Pas Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai mengakui bahawa parti itu memperalatkan Keadilan bagi melaksanakan agenda memperkukuhkan kepentingan politiknya.

Dalam laporan itu, Nik Aziz bagaimanapun mendakwa selain Keadilan yang memperalatkan Pas, parti komponen Barisan Nasional (BN) saling mempergunakan antara satu sama lain untuk mencapai cita-cita politik masing-masing.

Nik Aziz juga dilaporkan berkata: "Umno guna MCA dan MIC, kamipun pandai juga guna parti lain. Pas guna Keadilan...Keadilan gunakan Pas. Konsep Islam tidak melarang kita bergabung dengan orang lain dan sejak kami (Pas) masuk kerajaan campuran dulu lagi kami jadikannya sebagai asas perjuangan."

Ahad lepas, Dr Mahathir berkata ada petanda Keadilan tidak lagi mendapat sokongan dan tidak boleh diperalatkan untuk kepentingan Pas.

Perdana Menteri berkata dengan adanya Keadilan, Pas yang mendapat tambahan kerusi wakil rakyat sehingga mampu mengatasi DAP sebagai ketua pembangkang.

Ditanya hari ini sama ada pengakuan Nik Aziz bahawa Pas memperalatkan parti Keadilan itu akan menjadi satu lagi tamparan kepada Keadilan supaya para anggotanya menjadi lebih sedar, Dr Mahathir berkata: "Mereka yang sedar sedarlah, mereka yang tak mahu sedar, dia tak mahu sedar juga."

-- BERNAMA

AFY AU MAI